

DOSM/BMP/11.2022/SERIES 65

# QUICK SURVEY KARNIVAL STATISTIK, HARI STATISTIK NEGARA 2022


## LATAR BELAKANG

United Nation General Assembly (UNGA) telah mengisytiharkan Hari Statistik Sedunia disambut pada 20 Oktober 2010. Seterusnya, Hari Statistik sedunia disambut pada 20 Oktober 2015 dan diraikan setiap lima tahun pada 20 Oktober. Hari Statistik Sedunia di Malaysia telah disambut mulai 2010 dengan mengadakan pelbagai aktiviti yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat.

Buat julung kalinya pada 2017, Hari Statistik Negara (HSN) atau dikenali *MyStats Day* telah diisytiharkan di Malaysia dan disambut secara tahunan pada setiap 20 Oktober bermula 2017. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengadakan sambutan HSN dengan pelbagai aktiviti sepanjang tahun. Menariknya, pada tahun 2022 HSN disambut bersekali dengan ulang tahun ke-10 penubuhan Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM).


Aktiviti yang diadakan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat, agensi kerajaan, sekolah, institut pengajian tinggi, jabatan kesihatan, komuniti dan lain-lain.

A	1. BUKU 2. LUPEN
B	1. STAGE 2. UPEN
C	1. SPFD 2. SPFC SUP 3. B2B
D	1. PERKESO 2. HCU
E	1. MAJLIS 2. ASTRO
F	1. THEATRE 2. PROTON CITY
G	KAUNTER SAMAN
H	KAUNTER SAMAN
I	KAUNTER SAMAN
J	1. PORN 2. PORN
K	1. PORN 2. LNK
L	1. BOMBA 2. BOMBA
M	1. UPEN 2. UPEN
N	1. UPEN 2. UPEN
O	1. UPEN 2. UPEN
P	1. UPEN 2. UPEN



**PETA KAWASAN KARNIVAL  
HARI STATISTIK NEGARA**


“ HSN 2022 memberi peluang dan ruang bagi agensi untuk bekerjasama secara langsung serta mengenali ILSM dengan lebih dekat. Penduduk setempat juga memperoleh pelbagai faedah dan manfaat melalui urusan dengan agensi yang berada di pameran Karnival



# PROFIL


Karnival Statistik telah diadakan di ILSM yang terletak 3.0 km dari pekan Sungkai dan dihubungkan melalui pengangkutan darat seperti Lebuhraya Persekutuan (1.5 km), Stesen Keretapi (2.7 km) dan Stesen Bas (4.5 km).

Kemudahan penginapan yang tersedia berhampiran karnival ini adalah lebih kurang 35 buah penginapan yang terdiri daripada 11 hotel dan 24 unit *homestay* di sekitar Sungkai, Bidor, Slim River dan kawasan berhampiran.



Pelbagai aktiviti telah dijalankan di karnival ini dalam usaha memartabatkan statistik di kalangan masyarakat setempat. Di samping itu, karnival ini juga menyediakan platform di mana agensi kerajaan pusat dan negeri bekerjasama dalam menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat seperti kaunter pembayaran saman, cukai tanah, pemeriksaan kesihatan, khidmat nasihat kewangan dan peluang pekerjaan.


Karnival ini menerima pengunjung lebih kurang 5,000 orang daripada pelbagai lapisan masyarakat dan lokasi seperti yang telah dilaporkan di laman web myMetro. Peningkatan kehadiran pengunjung bergantung kepada aktiviti yang dijalankan sepanjang karnival seperti Pertandingan Debat antara IPT, Forum Perdana, pameran, pertandingan memasak dan jualan gerai. Waktu kehadiran yang menerima pengunjung paling ramai adalah di antara jam 9.30 pagi hingga 12.00 tengahari. Kehadiran pengunjung paling tinggi iaitu 58.4 peratus adalah warga setempat manakala selebihnya adalah dari negeri yang berhampiran seperti Selangor.



Pengunjung Karnival Statistik mengikut taraf pekerjaan pula merekodkan sebanyak 40.3 peratus adalah yang bekhidmat di sektor kerajaan manakala 21.3 peratus adalah golongan pelajar. Kaunter perkhidmatan awam dan swasta yang disediakan memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk turut serta dalam menerima perkhidmatan yang disalurkan oleh pihak kerajaan dalam usaha memberi perkhidmatan yang terbaik kepada semua lapisan masyarakat.




# PERBELANJAAN




Berdasarkan survei yang dijalankan, golongan yang lebih ramai mengunjungi Karnival Statistik ini adalah wanita iaitu 57 peratus berbanding lelaki sebanyak 43 peratus.

Pengunjung Karnival yang hadir dari pelbagai negeri telah memberi kesan kepada sosio ekonomi setempat di mana perbelanjaan pengunjung paling tinggi tertumpu kepada penginapan iaitu sebanyak 40.3 peratus diikuti perbelanjaan makan minum (18.0%), minyak petrol (17.2%) dan pengangkutan (13.2%).




BILANGAN HARI MENGINAP



Berdasarkan cerapan data yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia ke atas penginapan di sekitar Sungkai, Bidor, Slim River, Tanjung Malim dan Teluk Intan menunjukkan kapasiti hampir penuh. Ini berkemungkinan besar disumbangkan oleh mereka yang terlibat dengan Karnival Statistik ini.

Sebanyak 19.9% pengunjung karnival menginap di tempat penginapan dalam tempoh 1 hingga 3 hari manakala 10.2% lagi menginap 4 hari ke atas bergantung kepada keperluan. Terdapat tiga hotel utama berdekatan Sungkai dan 13 *homestay* persendirian yang dapat memberi kemudahan dari segi penginapan kepada pengunjung khususnya yang menghadiri karnival ini. Peningkatan kepada industri perhotelan dan penginapan secara tidak langsung memberi impak kepada industri makanan dan minuman. Para pengunjung dapat membuat pilihan makan dan minum di lokasi sepanjang berada di karnival dan lokasi penginapan.


Perbelanjaan ketiga tertinggi yang direkodkan adalah bahan pembakar dan diikuti dengan pengangkutan. Bahan pembakar seperti petrol dan diesel merupakan keperluan kepada pengangkutan darat. Peningkatan ke atas keperluan pengangkutan darat memberi impak kepada peningkatan perbelanjaan bahan pembakar. Hasil daripada survey juga menunjukkan majoriti atau 75.0% daripada pengunjung menggunakan kenderaan sendiri untuk hadir ke karnival ini.






## PROFIL UMUR

Dari segi kumpulan umur, pengunjung karnival yang tertinggi adalah di kalangan umur 21 hingga 30 tahun iaitu 40.0%. Kumpulan umur yang kedua tertinggi adalah pengunjung yang berumur dalam lingkungan 31 hingga 40 tahun iaitu 19.0% diikuti oleh kumpulan umur 41 hingga 50 tahun sebanyak 14.6%.



## HEBAHAN KARNIVAL STATISTIK HSN, ILSM

Berdasarkan survei yang dijalankan, lebih separuh pengunjung karnival yang hadir adalah berdasarkan jemputan iaitu 58.8%. Ini diikuti hebahan yang diperoleh melalui media sosial dan komuniti setempat masing-masing mencatatkan 21.3% dan 19.9%.



Hebahan melalui media sosial dan komuniti memainkan peranan dalam menarik perhatian penduduk setempat bagi menyokong dan seterusnya hadir dan terlibat sama dalam aktiviti yang dilaksanakan sepanjang karnival berlangsung.

## PENAFIAN

Analisis yang dipaparkan adalah berdasarkan kepada individu yang menyertai survei ini dan tidak mewakili pandangan seluruh peserta karnival. Ia harus ditafsir secara berhati-hati dan ia bukanlah statistik rasmi. Namun, ia boleh digunakan untuk menyokong dalam memberi gambaran tentang impak penganjuran Karnival Statistik HSN ini. DOSM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang isu yang berkaitan dengan penggunaan bahan yang ada di dalam laporan ini.

**“Statistik yang dikeluarkan oleh DOSM menjadi input utama dalam pembahasan/hujah debat. Maklumat yang diperlukan juga mudah diakses serta menjadi platform dalam penggunaan statistik rasmi sebagai rujukan utama”**





DR Mohd Uzir (tengah) bergambar bersama peserta pada majlis Penutupan Karnival Statistik 2022 sempena Majlis Sambutan HSN 2022.

Oleh Rosman Shamsudin  
am@hmetro.com.my

Sungkai

## KARNIVAL STATISTIK 2022 MERIAH

# Sambutan luar jangkauan!

Karnival Statistik 2022 yang dianjurkan di luar kawasan Lembah Klang sempena sambutan Hari Statistik Negara (HSN) 2022 dan Sedekad Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) mendapat sambutan luar jangkauan dan berlangsung dengan meriah di ILSM Sungkai, baru-baru ini.

Lebih menarik, karnival yang bermula pada 20 Oktober sehingga 22 Oktober lalu dikunjungi kira-kira 5,000 pengunjung terdiri pelbagai segenap lapisan masyarakat.

Sekitar 2010, *United Nations General Assembly* (UNGA) Ke-64 mengisytiharkan sambutan Hari Statistik Sedunia yang pertama pada 20 Oktober 2010, manakala UNGA Ke-69 menetapkan sambutan kali kedua pada 20 Oktober 2015.

Hari Statistik Sedunia diraikan setiap lima tahun sekali.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) selaku penganjur statistik rasmi negara bersama kerajaan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 September 2017 bersejajut supaya HSN disambut pada 20 Oktober setiap tahun.

HSN membuktikan penghargaan dan pengiktirafan pihak kerajaan terhadap peranan dan sumbangan komuniti statistik di negara ini.

Malah, karnival berkenaan juga mendapat kerjasama

daripada pihak kerajaan negeri Perak, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan pelbagai agensi kerajaan, swasta dan usahawan Bumiputera.

Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah forum perdana ehwal Islam, pameran kerjaya, program derma darah dan pemeriksaan kesihatan, demonstrasi 'abang bomba', khidmat kaunseling kewangan serta persembahan kebudayaan Keluarga Malaysia.

Selain itu juga, terdapat pameran rumah dan hartanah, kaunter semakan dan bayaran saman, pemeriksaan kenderaan percuma, kaunter bayaran cukai tanah, pameran bergerak oleh agensi kerajaan dan swasta serta pertandingan debat, kuiz Matematik, mewarna, memasak yang membabitkan penuntut institusi pengajian tinggi (IPT), kanak-kanak dan penduduk setempat.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata pengumuman karnival sempena HSN 2022 dan sedekad ILSM

berjaya mencapai matlamat dan objektif berdasarkan sambutan menggalakkan sama ada secara fizikal dan maya menerusi platform media sosial sepanjang ia dijalankan.

Menurutnya, pembabitkan semua pihak dalam penganjuran karnival sama ada agensi kerajaan dan swasta sekaligus dapat memupuk semangat kerjasama dan budaya bantu membantu walaupun ia dianjurkan di luar Lembah Klang.

Katanya, kerajaan menganjurkan aktiviti dan segmen yang mendapat sambutan menggalakkan dari segenap lapisan serta peringkat umur masyarakat memberi motivasi kepada DOSM.

"Buktinya, penganjuran forum perdana ehwal Islam sempena karnival HSN 2022 dan sedekad ILSM bersama Jakim dan Bank Islam Malaysia dihadiri kira-kira 1,300 tetamu.

"Kejayaan penganjuran karnival ini bakal memberi impak besar kepada komuniti termasuk aspek publisiti tentang betapa pentingnya

statistik dalam kehidupan kita seharian," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Penutupan Karnival Statistik 2022 sempena HSN 2022 dan Sedekad ILSM di ILSM Sungkai, dekat sini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Perangkawan Program Ekonomi merangkap Pengerusi HSN Datin Seri Rozita Talha dan Timbalan Ketua Perangkawan Program Sosial dan Pembangunan Teknikal Nazaria Baharudin.

Acara memuncak karnival berkenaan ialah Forum Perdana Ehwal Islam dengan tema 'Nadi Negaraku' dan ahli panel terdiri daripada pensyarah Universiti Malaysia (UM), Prof Madya Dr Sharifah Hayati Syed Ismail, Ketua Jaringan Industri dan Komuniti Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Imam Muda, Asyraf Mohd Ridwan serta Pegawai Hal Ehwal Islam, Rizal Ramli sebagai moderator.

Malah, Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah turut mencemar duli bersama-sama tetamu dan secara tidak langsung memeriahkan lagi sesi forum yang dianjurkan itu.



DEMONSTRASI daripada 'abang bomba'.



PERSEMBAHAN kebudayaan Keluarga Malaysia.



PESERTA pertandingan memasak tekun menyiapkan juadah.



## Karnival Statistik berlangsung sehingga esok

**TANJUNGMALIM** - Hari Statistik Negara (HSN) disambut setiap tahun bermula 20 Oktober 2017 dan 'Menghubungkan Dunia Dengan Data Yang Boleh Kita Percaya' dipilih sebagai tema sambutan bagi tahun 2020 hingga 2025.



SULTAN NAZRIN

Menurut kenyataan Sekretariat HSN, sambutan kali ini turut menganjurkan Karnival Statistik selama tiga hari sehingga 22 Oktober 2022 sempena sedekad penubuhan Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) di Sungkai di sini.

"Pelbagai aktiviti dirancang antaranya Stats Prihatin, Stats Fit, Stats Kuiz, Sesi Literasi Statistik bersama Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan forum bersama pemain industri.

"Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan berangkat ke majlis Forum Perdana Ehwat Islam bersama rakyat jelata pada malam Khamis," katanya.

Menurut kenyataan itu, statistik memainkan peranan penting kepada pihak



ILSM yang terletak di Sungkai, Perak yang mencapai sedekad penubuhannya telah melahirkan ribuan pakar perangkaan.

swasta dalam membuat keputusan perniagaan dan membuka peluang untuk syarikat atau perniagaan tersebut sentiasa kompetitif dalam pasaran yang semakin mencabar.

"Pelaburan antarabangsa dan kedudukan negara di mata dunia ditentukan melalui indikator utama yang dijana melalui statistik.

"Keberhasilan daripada perkhidmat-

an perangkaan yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merupakan bukti statistik yang digunakan kerajaan sebagai input dalam pembentukan, pelaksanaan, penilaian dan semakan dasar-dasar awam," katanya.

Tambah beliau, peranan itu akan diteruskan bagi memastikan penggubal dasar merangka polisi dan menganalisis keberkesannya berdasarkan

statistik yang komprehensif serta terperinci.

Jelasnya, penganjuran karnival ini diharap dapat memberikan impak besar kepada inisiatif DOSM dalam memastikan pembudayaan statistik dapat memberi manfaat bagi menterjemah aspirasi Keluarga Malaysia dalam mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

BH Sabtu, 22 Oktober 2022

Nasional

9

Hari Statistik Negara

# Karnival sebar peranan Jabatan Perangkaan

Didik masyarakat manfaat data statistik dalam pembangunan, dasar negara

Oleh Balqis Jazimah Zahari  
bhnews@bh.com.my

**Sungkai:** Karnival Statistik 2022, sempena Sambutan Hari Statistik Negara menjadi pentasendorong pengumpulan data, penyusunan statistik serta penyediaan maklumat berkualiti kepada perangkawan, penggubal dasar, ahli akademik serta penyelidik.

Masyarakat juga mendapat manfaat kerana statistik berfungsi sebagai ukuran penentuan hidup yang lebih baik dan sempurna.

Statistik juga memainkan peranan besar kepada pihak swasta dalam membuat keputusan per-

niagaan dan peluang untuk syarikat atau perniagaan sentiasa kompetitif dalam pasaran yang semakin mencabar.

Pelaburan antarabangsa dan kedudukan negara di mata dunia juga ditentukan dengan menggunakan indikator utama yang dijana melalui statistik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata sambutan berkenaan penting dalam menyebarkan maklumat kepada masyarakat mengenai peranan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang menyediakan statistik terutama dalam perancangan dan pembentukan dasar pembangunan negara.

"Tahniah kepada DOSM kerana berjaya menganjurkan HSN kali keenam, yang mana kali pertama diadakan pada tahun 2017.

"Sambutan HSN ini penting untuk kita menyedarkan masyarakat mengenai betapa besarnya peranan DOSM dalam mengumpul data perangkaan berhubung prestasi dan struktur ekonomi negara dan hal semasa seperti



Mustapa beramah mesra bersama peserta dan pengunjung Karnival Statistik 2022 di ILSM, Sungkai, semalam. (Foto L MANIMARAN /BH)

pengangguran dan inflasi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Karnival Statistik 2022 sempena Sambutan Hari Statistik Negara 2022 dan Sedekad Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM), di perkarangan ILSM, di sini.

Yang turut hadir, Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Sri Dr Mohd Uzir Mahidin.

### Hebah peranan DOSM

Mustapa berkata, selama dua tahun, sambutan HSN dilaksanakan secara virtual berikutan pandemik COVID-19 sejak 2020.

"Tahun ini, kita dapat menjalankan program secara fizikal. Kita yakin program ini dapat menghebahkan peranan DOSM kepada orang ramai dan meningkatkan semangat serta motivasi kepada lebih 3,000 warga DOSM," katanya.

Beliau berkata, DOSM mengeluarkan data mengikut masa yang ditetapkan, berintegriti dan tepat untuk digunakan oleh



Mustapa melawat pameran Karnival Statistik 2022 di ILSM, semalam.

Bank Negara, pelabur asing dalam negara, jabatan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Semua pihak menggunakan angka yang diterbitkan oleh DOSM, yang mana lebih 500 jenis perangkaan dikeluarkan setahun," katanya.

Sementara itu, pelbagai program disusun sepanjang karnival yang berlangsung dari 20 Oktober hingga hari ini.

Antara program yang diadakan adalah Debat Statistik Institut Pengajian Tinggi dan Forum Perdana Ehwat Islam Diraja serta pameran.



## UIAM juara debat statistik IPT

**TANJUNG MALIM** - Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dinobatkan sebagai juara Pertandingan Akhir Debat Statistik yang julung kali diadakan sempena Hari Statistik Negara 2022 pada Khamis.

Pada pertandingan itu, UIAM mengalahkan Universiti Teknologi Petronas (UTP) ketika membahaskan tajuk 'Dewan Ini Percaya Matlamat Sifar Miskin Tegar Menjelang 2025 Tidak Mampu Dicapai'.

Pendebat UIAM diwakili Nurul Hanan Badariah Abd Mutalib, 19; Mohd Zhariff Mohd Tun, 22; Saidah Nafisah Omar, 22 dan pendebat simpanan, Nurul Farhanah Arul Hisham, 21.

UIAM menerima hadiah wang tunai RM1,500, trofi, sijil serta Piala Pusingan Ketua Perangkawan Malaysia.

Tambah membanggakan apabila pendebat UIAM, Nurul Hanan Badariah dinobatkan sebagai pendebat terbaik dan membawa pulang hadiah wang tunai RM200, trofi serta sijil.

Menurut Mohd Zhariff, latihan intensif selama dua minggu akhirnya berbaloi apabila berjaya melakar sejarah menjadi universiti pertama memenangi debat ala Parlimen yang dianjurkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) itu.

"Kami bersyukur dan berbangga dapat mengalahkan sembilan pasukan lain berikutan pertandingan ini boleh dikatakan persaingannya agak sengit."

"Sudah tentu kejayaan ini menjadi inspirasi kepada kami untuk terus menyertai pertandingan seterusnya de-



UIAM dinobatkan sebagai juara Pertandingan Akhir Debat Statistik yang julung kali diadakan sempena Hari Statistik Negara 2022.

ngan giat menjalankan latihan," katanya. Pasukan UTP pula diwakili Nurul Izzah Nasuha Zulmuksah, 19; Nurul Sa'edah Mat Said, 21, Shakimi Haikal Samsu Bahru, 20, dan pendebat simpanan, Emmed Erwan Shah, 18.

Mereka membawa pulang wang tunai RM800, trofi dan sijil. Kesemua hadiah disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Sementara itu, Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, pertandingan debat itu menjadi

platform bagi mahasiswa menggunakan data banci dan tinjauan yang diterbitkan DOSM sebagai hujah pembuktian berkaitan isu semasa dalam aspek statistik dan ekonomi.

"Ia merupakan satu wadah untuk meningkatkan daya fikir intelektual dan tahap pemikiran kritis di samping membentuk keterampilan dan sahsiah yang tinggi.

"Secara tidak langsung ia dapat meningkatkan literasi statistik dalam kalangan mahasiswa dalam penggunaan data," katanya.

Pertandingan berlangsung selama dua hari itu mendapat kerjasama daripada Majlis Debat Universiti Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Pertandingan ini juga disertai oleh IPTA tempatan seperti Universiti Malaysia Pahang, Universiti Teknologi Mara, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Multimedia, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Sains Malaysia.

## Karnival berjaya tingkat kefahaman kepentingan statistik

**SUNGKAI** - Penganjuran Karnival Statistik sempena Sambutan Hari Statistik Negara (HSN) 2022 dan Sedekad Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) selama tiga hari di ILSM di sini mencapai sasaran.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, karnival yang bermula pada 20 Oktober lalu berjaya meningkatkan momentum kefahaman orang ramai terhadap kepentingan statistik.

Menurutnya, bersesuaian dengan tema Statistik Nadi Kehidupan, Jabatan Perangkaan Malaysia mahu sebarang keputusan yang dibuat mengikut statistik dikeluarkan.

"Orang ramai sudah sedar bahawa statistik ini adalah perkara yang dekat dengan mereka. Jadi dengan tema Statistik Nadi Kehidupan, kita nak supaya orang ramai mengetahui bahawa ketidaktentuan itu dapat dikurangkan bila kita kaji statistik.

"Maknanya kita tahu kehidupan ini ada trend, jadi dengan itu kita boleh buat jangkaan bahkan peniaga dalam perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sebagai contoh boleh menggunakan statistik untuk merancang perniagaan," katanya selepas menyempurnakan Majlis Penutup Karnival Statistik 2022 di ILSM di sini pada Sabtu.

Menurut Mohd Uzir, statistik memainkan peranan besar dalam menguruskan kehidupan serba mencabar ketika ini kerana tahap persaingan perlu lebih cepat. Sementara itu, beliau berkata, lebih



Mohd Uzir (depan, tengah) bergambar bersama warga Jabatan Perangkaan dan pihak yang terlibat menjayakan Karnival Statistik sempena HSN 2022 dan Sedekad ILSM di Sungkai pada Sabtu.

5,000 pengunjung hadir ke karnival berkenaan yang memberi peluang kepada mereka mendapatkan maklumat mengenai statistik dan mengetahui peranan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Selain itu, Mohd Uzir berkata, terdapat ruang pameran terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta termasuk usahawan yang terlibat mempromosikan produk masing-masing.

Katanya, acara kemuncak karnival ialah Forum Perdana Ehwai Islam yang menampilkan keberangkatan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

"Pihak jabatan merakamkan penghargaan tinggi kepada semua yang terlibat menjayakan karnival ini," ujarnya.



Mohd Uzir (dua dari kanan) menyampaikan cenderahati kepada rakan-rakan strategik dan pempamer pada Majlis Penutup Karnival Statistik 2022 di ILSM, Sungkai pada Sabtu.